

DUITNOW QR RENTAS SEMPADAN

Dikemas Kini: April 2023

Soalan Lazim

Q1: Apakah DuitNow QR Rentas Sempadan?

A1: DuitNow QR Rentas Sempadan merupakan perkhidmatan yang membolehkan pelanggan kami untuk melakukan pembayaran ke peniaga-peniaga di Thailand, Indonesia dan Singapura dengan mengimbas Kod QR menggunakan ciri QR Pay di Aplikasi HLB Connect.

Q2: Bagaimana cara untuk saya guna DuitNow QR Rentas Sempadan?

A2: Hanya perlu lancarkan Aplikasi HLB Connect anda dan semasa di skrin log masuk, ketik pada ikon “QR Pay” dan imbas kod QR Rentas Sempadan seperti **PromptPay**, **QRIS** atau **NETS**.

Anda juga boleh melakukan perkara yang sama selepas log masuk ke Aplikasi HLB Connect anda, Cuma ketik pada “Menu” dan pilih “QR Pay”.

Q3: Adakah pembayaran DuitNow QR berlaku dalam masa nyata?

A3: Ya, ia membolehkan pembayar dan peniaga untuk membuat dan menerima bayaran secara serta-merta.

Q4: Bolehkan saya imbas kod QR di negara lain selain Thailand, Indonesia dan Singapura?

A4: Buat masa ini, hanya Kod QR **Thailand** (PromptPay), **Indonesia** (QRIS) and **Singapura** (NETS) boleh diimbas menggunakan QR Pay di Aplikasi HLB Connect. Kami akan menambah lebih banyak negara pada DuitNow QR Rentas Sempadan. Nantikan!

Q5: Bolehkan saya menggunakan ciri ini dengan HLB Connect Online dan Aplikasi HLB Connect?

A5: Perkhidmatan ini hanya tersedia di Aplikasi HLB Connect.

Q6: Adakah saya perlu aktifkan DuitNow QR Rentas Sempadan sebelum saya imbas Kod QR PromptPay, QRIS atau NETS untuk pembayaran?

A6: Tidak, anda boleh terus imbas Kod QR untuk membuat pembayaran ke peniaga asing.

Q7: Saya tidak mempunyai Aplikasi HLB Connect. Bolehkah saya terus imbas Kod QR PromptPay, QRIS atau NETS?

A7: Jika anda tidak mempunyai Aplikasi HLB Connect, anda tidak akan dapat melakukan pembayaran menggunakan QR. Sila muat turun Aplikasi HLB Connect dan log masuk menggunakan nama pengguna dan kata laluan untuk mengikat Aplikasi dengan profil Connect anda. Setelah ianya selesai, anda akan dapat menggunakan QR Pay.

Q8: Bolehkan saya menggunakan DuitNow QR Rentas Sempadan untuk membuat pembayaran ke peniaga tempatan di Thailand, Indonesia dan Singapura jika mereka tidak menggunakan sistem pembayaran PromptPay, QRIS atau NETS?

A8: Tidak boleh. Buat sementara waktu, DuitNow QR Rentas Sempadan hanya boleh imbas Kod QR PromptPay, QRIS atau NETS sahaja.

Q9: Adakah terdapat sebarang caj atau yuran tambahan jika guna DuitNow QR Rentas Sempadan?

A9: Tiada caj atau yuran tambahan dikenakan jika guna DuitNow QR Rentas Sempadan.

Q10: Apakah had transaksi untuk DuitNow QR Rentas Sempadan?

A10: DuitNow QR Rentas Sempadan berkongsi had harian yang sama seperti had transaksi QR tempatan (contoh RM9,999). Bagaimanapun, setiap transaksi QR Rentas Sempadan adalah terhad kepada RM3,000.

Q11: Adakah saya perlu menggunakan SMS TAC untuk membuat pembayaran QR Rentas Sempadan?

A11: SMS TAC tidak diperlukan. Jika anda membuat pembayaran QR menggunakan QR Pay di Aplikasi HLB Connect, anda dikehendaki memberi pengesahan dalam bentuk kata laluan atau biometrik sebaik sahaja anda melebihi had ‘**QR Pay tanpa pengesahan**’ (had maksimum ditetapkan pada RM250).

Q12: Pembayaran QR Rentas Sempadan akan ditolak daripada akaun?

A12: Jumlah pembayaran QR Rentas Sempadan akan ditolak daripada Akaun Semasa atau Simpanan/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB berdasarkan jumlah MYR yang setara. Jika anda telah memilih untuk membuat bayaran menggunakan Akaun Pay&Save HLB/Akaun Pay&Save-i HLISB anda, jumlah tersebut akan ditolak daripada mata wang MYR anda walaupun anda telah aktifkan mata wang Baht Thai, Rupiah atau Dolar Singapura.

Q13: Bolehkan saya tahu mengenai kadar pertukaran sebelum melakukan sebarang pembayaran menggunakan DuitNow QR Rentas Sempadan?

A13: Selepas mengimbas kod QR PromptPay, QRIS or NETS, kadar pertukaran akan ditunjukkan kepada anda selepas anda memasukkan jumlah di halaman pengesahan. Anda boleh menyemak butiran pembayaran sebelum melakukan transaksi.

Q14: Apa yang perlu saya lakukan jika bayaran telah ditolak daripada akaun saya tetapi transaksi QR Pay tidak berjaya?

A14: Sila hubungi kami segera di 03-7626 8899 atau dalam tempoh 30 hari kalender dari tarikh transaksi. Jika laporan dibuat selepas 30 hari kalender dari tarikh transaksi, HLB/HLISB dan Pemilik & Pengedali DuitNow QR berhak untuk menolak sebarang pertikaian.

Q15: Siapa yang patut saya hubungi untuk meminta bayaran balik?

A15: Anda boleh meminta bayaran balik daripada peniaga asing dimana anda telah imbas Kod QR untuk membuat pembelian. Jika peniaga bersetuju untuk bayaran balik, jumlah tersebut akan dimasukkan semula ke dalam akaun anda. Sebagai alternatif, anda boleh hubungi kami di 03-7626 8899.

Q16: Kenapa jumlah yang dikembalikan kurang/lebih daripada jumlah yang saya bayar?

A16: Jumlah yang dikembalikan mungkin berbeza daripada jumlah asal bayaran disebabkan perubahan dalam pertukaran asing yang disediakan PayNet. Oleh kerana kadar pertukaran asing berbeza-beza semasa pembelian and masa bayaran balik, jumlah yang dikembalikan mungkin kurang/lebih dari jumlah pembelian sebenar.